



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

PENAFIAN PELAKSANAAN *TARGETED ENHANCED MOVEMENT CONTROL ORDER* (TEMCO) DI DAERAH KUANTAN, PEKAN DAN BENTONG

Terdapat berita tular berkenaan pelaksanaan TEMCO di Daerah Kuantan, Pekan dan Bentong berikutan 1 kes positif di daerah Kuantan. Jawatankuasa *Task Force* COVID-19 Negeri Pahang sedang giat melaksanakan proses pengesanan kontak rapat dan sedang membuat penilaian risiko terhadap kes ini. Diharapkan orang ramai tidak menyebarkan berita palsu dan merujuk kepada saluran rasmi untuk maklumat yang tepat. Sementara itu, sentiasa patuhi SOP yang ditetapkan dengan mengamalkan:

1. Penjarakan fizikal 1 meter
2. Memakai pelitup muka terutama semasa berada di tempat awam
3. Elakkan kawasan yang sesak, elakkan kawasan yang sempit dan elakkan bertutur atau bersembang dengan jarak yang dekat.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
YB Setiausaha Kerajaan Pahang
2 Disember 2020